

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
(PASIR GUDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22.10.2015**

**Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan skim pencen kepada pekerja-pekerja swasta melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta apakah implikasi positif dan negatif kepada penubuhan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP) ialah sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan persaraan kepada ahli. Liputan Skim KWSP termasuk pekerja-pekerja swasta yang diwajibkan mencarum mengikut kadar caruman yang telah ditentukan. Semua ahli akan menerima manfaat Skim KWSP iaitu simpanan persaraan yang terdiri dari caruman pekerja, caruman majikan dan pulangan daripada pelaburan dalam bentuk dividen tahunan.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan skim pencen kepada pekerja-pekerja swasta yang mencarum di bawah Skim KWSP kerana pemilikan simpanan individu lebih menarik disebabkan oleh:-

- a. Simpanan boleh dikeluarkan sebahagian bagi tujuan perumahan, pendidikan, kesihatan, berumur 50 tahun dan lain-lain;
- b. Pelepasan cukai individu sebanyak RM6,000;
- c. Simpanan yang dikeluarkan tidak dikenakan cukai; dan
- d. Simpanan keseluruhan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa setelah mencapai umur 55 tahun.

Walaupun tiada cadangan kepada penubuhan yang dinyatakan, KWSP sentiasa menjalankan kajian untuk menambahbaik Skim KWSP bagi ia mencapai matlamat utama simpanan persaraan ahli.